

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

SAU203 - Psikologi Sosial

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih **EMPAT** soalan sahaja.

1. Ada kalanya pemain-pemain bola sepak tertentu akan menghadapi tindakan disiplin kerana tidak menghadiri latihan atau kerana tidak mengikut peraturan-peraturan sebelum satu perlawanan penting. Ahli psikologi sosial melihat keadaan ini sebagai contoh strategi menghalang diri (self-handicapping strategy).

Berikan definisi strategi menghalang diri dan terangkan bagaimana ia digunakan untuk mengekalkan imej individu.

[25 markah]

2. Rahim, seorang pemain sukan, telah diberi amaran oleh doktor bahawa ia menghadapi masalah sakit jantung dan patut mengurangkan aktiviti-aktiviti senaman tetapi Rahim meneruskan aktiviti-aktiviti fizikal dan juga menyertai pertandingan-pertandingan seperti marathon dan triathlon.

Dengan menggunakan teori-teori perubahan sikap, terangkan tingkah laku Rahim. Bagaimanakah ia boleh dibantu supaya mengubah sikapnya?

[25 markah]

3. Tingkah laku individu berbeza daripada tingkah laku individu sebagai ahli kumpulan. Huraikan perbezaan tersebut dengan membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi interaksi dalam kumpulan.

[25 markah]

...2/-

4. Faktor persamaan diandaikan memainkan peranan penting dalam proses penarikan antara perseorangan, tetapi perkahwinan antara ras juga berlaku. Bincangkan faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi keputusan perkahwinan antara ras.

[25 markah]

5. Apabila sesuatu kemalangan berlaku, setengah-setengah individu akan membantu mangsa-mangsa kemalangan tetapi ramai juga yang hanya menjadi penonton. Bincangkan perbezaan ini dengan merujuk kepada faktor-faktor persekitaran dan peribadi yang mempengaruhi tingkah laku menolong.

[25 markah]

6. Feminisme wujud kerana wanita sering dianggap sebagai kumpulan minoriti. Bincangkan kedudukan wanita dan masalah-masalah yang mereka hadapi dari segi prasangka dan diskriminasi.

[25 markah]

- oo o0o oo -